



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986

DR.24/1986

D.R. No. 24/86

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Takrif “Pelindung” dalam seksyen 2 Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri” dalam perenggan (c) dengan perkataan-perkataan “Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri”.
Pindaan seksyen 2, Akta 106.
3. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “seksyen-kecil (6) dan (7)” di mana jua terdapat dalam seksyen itu dengan perkataan-perkataan “subseksyen (6)”.
Pindaan seksyen 7.
4. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—
Pindaan seksyen 8.
 - (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “seksyen-kecil (6) dan (7)” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “subseksyen (6)”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen baru (6) yang berikut:

“(6) Tiada seorang perempuan pun yang mencapai umur dua puluh satu tahun atau lebih semasa dia dibawa ke tempat perlindungan di bawah seksyen 7 atau subseksyen (1) seksyen ini boleh ditahan di tempat itu.”; dan

(c) dengan memotong subseksyen (7), (8) dan (9).

Pindaan
seksyen 33.

5. Subseksyen (2) seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “Pelindung” yang terdapat di akhir subseksyen itu perkataan-perkataan “dan hendaklah ditahan di dalamnya bagi suatu tempoh selanjutnya yang bersamaan dengan tempoh yang selebihnya di bawah waran yang asalnya dikeluarkan oleh Mahkamah”.

Mengemas-
kinikan
istilah.

6. Teks Bahasa Kebangsaan bagi Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen-kecil” di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan “subseksyen”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda perkataan-perkataan “Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri” kepada “Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri”.

3. *Fasal 4 (b)* bertujuan bagi memperuntukkan bahawa orang perempuan yang telah mencapai umur dua puluh satu tahun pada masa dia dipindahkan ke suatu tempat perlindungan tidak akan ditahan di dalamnya. Ia juga bertujuan memberi kuasa kepada Mahkamah untuk membuat suatu perintah bagi seorang perempuan untuk ditahan di suatu tempat perlindungan walaupun dia telah mencapai umur dua puluh satu tahun ataupun dia telah berkahwin jika pada masa pemindahannya itu ke suatu tempat perlindungan sebelum pembicaraan Mahkamah, dia di bawah umur dua puluh satu tahun. Fasal tersebut juga bertujuan bagi memperuntukkan bahawa walaupun seorang perempuan telah mencapai umur dua puluh satu tahun atau berkahwin semasa dalam penahanan dia dikehendaki berada di tempat perlindungan

sehingga tempoh perlindungan berakhir. Ini ialah untuk memastikan bahawa program pemulihan itu adalah tidak terhenti separuh jalan kerana ini akan menjejaskan kesannya dan tambahan ia juga akan menghalang penghinaan ke atas perkahwinan oleh suami-suami atau ibu-bapa yang tidak berperikemanusiaan.

4. *Fasal 5* bertujuan bagi melanjutkan tempoh penahanan orang perempuan yang, setelah diperintahkan oleh Mahkamah untuk ditahan dalam suatu tempat perlindungan, meninggalkan tempat tersebut sebelum tempoh penahanan berakhir. Ia bertujuan untuk memperuntukkan tempoh penahanan dalam kes-kes sedemikian dilanjutkan oleh suatu tempoh yang bersamaan dengan tempoh yang selebihnya dia kena tahan di tempat perlindungan di bawah waran yang asalnya dikeluarkan oleh Mahkamah.

5. *Fasal-fasal 3 dan 4 (a)* adalah merupakan pindaan berbangkit.

6. *Fasal 6* bertujuan mengemaskinikan istilah dalam teks Bahasa Kebangsaan oleh kerana sejak terkanunnya undang-undang ibu, istilah ini telah berubah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan. [PN. (U²) 915.]